

KIJING yang dikumpul dari tali air di sawah Kampung Lepar, Pahang Tua.



KHAIRUL Anuar (kiri) bersama keluarganya mencari kijing dalam tali air di sawah Kampung Lepar, Pahang Tua. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

Pekan: Kemunculan kijing iaitu sejenis hidupan air tawar di sawah Kampung Lepar, Pahang Tua di sini, sejak lebih seminggu lalu menarik perhatian ramai.

Aktiviti mencari hidupan dalam lumpur di dasar parit dan tali air menyerupai lokan itu dilakukan penduduk setempat, berikutan ketika ini air surut.

Penduduk perumahan Taman Sepekan Jaya, Khairul Anuar Mohd Khalyubi, 45, berkata, kebiasaannya kijing hanya terdapat di

Pesta cari kijing dalam tali air sawah

Hm 21/1/2023 Ms: 22

Sungai Pahang namun kali ini ia muncul dalam tali air sawah dengan jumlah yang banyak.

Menurutnya, dia mula mencari kijing minggu lalu selepas rakan memberitahu hidupan air itu banyak dalam tali air sawah Kampung Lepar berikutan paras air surut selepas banjir.

Katanya, kijing tidak asing bagi penduduk daerah ini apabila muncul se-

panjang tahun di beberapa kawasan sepanjang Sungai Pahang yang berlumpur.

"Ketika zaman kanak-kanak, saya dan penduduk kampung biasa mencari kijing di kawasan sepanjang Sungai Pahang yang berlumpur terutama ketika air sungai surut."

"Bagaimanapun, ini kali pertama saya sekeluarga mencari kijing dalam tali air sawah," katanya di sini

kelmarin.

Dia berkata, air Sungai Pahang yang dipam ke tali air untuk projek tanaman padi mungkin membawa bersama benih kijing yang kemudiannya membikak.

Khairul Anuar berkata, aktiviti mencari kijing dalam tali air tidak susah, kaki digunakan untuk menggesan kedudukan hidupan berkenaan yang berada dalam lumpur tebal selepas

itu proses mengambil dan mencuci menggunakan tangan.

"Saya datang mencari kijing bersama keluarga pada waktu petang, dalam masa kira-kira sejam kami mampu membawa pulang antara sepuluh hingga 15 kilogram kijing setiap kali datang."

"Cabaran mencari kijing ialah berada dalam tali air dan lumpur tebal, keseronokan terasa apabila ber-

jaya mengumpul kijing dalam jumlah yang banyak dengan pelbagai saiz," katanya.

Bagi Nurhanisah Sham-sudin, 35, walaupun terdapat banyak lintah sawah namun kerana ingin mencari kijing ia tidak menjadi halangan untuk dia berada dalam tali air.

"Anak saya pernah digigit lintah ketika mencari kijing sebelum ini namun tidak serius, apabila naik ke darat melihat lintah melekat pada betis," katanya.